

3

LATAR BELAKANG CERDIK PUBLICATIONS SDN. BHD.

3.1 Sejarah Penubuhan Syarikat

Nama Cerdik Publications Sdn. Bhd. (CPSB) mungkin masih baru di hati pelajar atau mereka yang mengikuti perkembangan industri perbukuan negara. Ini kerana Cerdik Publications Sdn. Bhd. mula didaftarkan pada Mac 2000, iaitu hanya kira-kira tiga tahun ketika laporan penyelidikan ini ditulis. Namun demikian, Cerdik Publications Sdn. Bhd. sebenarnya telah wujud sejak tahun 1990 lagi, iaitu yang dikenali sebagai Mahir Publications Sdn Bhd.

Mahir Publications Sdn Bhd mula diasaskan oleh Ahmad Mahir Kamaruddin (kini Dato'). Mahir Publications Sdn Bhd merupakan salah sebuah anak syarikat Mahir Holdings yang ketika itu mempunyai beberapa syarikat yang beroperasi di bawahnya seperti K Publishing, Mahir Marketing Services, D Enterprise, Quill Publisher dan AMK Interaksi.

Penubuhan Mahir Publications Sdn Bhd bolehlah dianggap sebagai mengambil peluang tatkala penerbitan buku teks mula diswastakan. Pada ketika itu, Mahir Publications turut menerbitkan buku-buku ulang kaji, kamus dan buku-buku umum walaupun tidak begitu agresif.

Pada tahun 1992, Mahir Publications Sdn Bhd mendapat hak penerbitan untuk kertas-kertas soalan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan juga peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain buku, Mahir Holdings turut menerbitkan majalah (*Dagang* dan *Sayang* di bawah D Enterprise) dan buletin (*Asian Business Contents*, iaitu kandungannya berfokuskan tentang isu perdagangan

Asia di bawah Quill Publisher) serta menjalankan perniagaan taipsetting (di bawah AMK Interaksi). Manakala K Publishing pula menerbitkan novel. Fungsi Mahir Marketing Services pula ialah memasarkan semua keluaran Mahir Holdings. Walau bagaimanapun, kini kesemua syarikat tersebut tidak aktif lagi dan hanya K Publishing yang masih aktif mengeluarkan buku teks, buku-buku umum, dan novel, di samping Cerdik Publications yang terus aktif sehingga kini menerbitkan buku-buku umum dan untuk pasaran sekolah/institusi pendidikan.

Pada awal penubuhannya, Mahir Publications Sdn Bhd terletak di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Kemudiannya, pejabatnya dipindahkan ke Bangsar Utama. Kedudukannya boleh dikatakan strategik kerana berhampiran dengan pusat pendidikan seperti Universiti Malaya dan Institut Bahasa, serta berdekatan juga dengan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apabila Mahir Holdings memperkembangkan perniagaannya dengan mengambil alih pengurusan Stadium Shah Alam, pejabat Mahir Publications juga turut dipindahkan ke Stadium Shah Alam buat sementara waktu. Ini lebih memudahkan pihak pengurusan Mahir Holdings memantau perkembangan syarikat-syarikat di bawah naungannya.

Walaupun bagaimanapun, syarikat ini kemudiannya dipindahkan ke tempat yang lebih selesa, iaitu di Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Subang, Batu Tiga, Shah Alam sehingga kini.

Nama Mahir Publications Sdn Bhd telah ditukarkan secara rasminya pada Mac 2000. Ini disebabkan syarikat ingin membina imej yang lebih kukuh dan merupakan salah satu strategi pemasaran syarikat untuk mendekatkan diri kepada pelajar. *Walaupun bagaimanapun, semua aktiviti pengurusan masih berjalan seperti sebelumnya.* Dengan imej baru ini, Cerdik Publications Sdn. Bhd. telah memperluas keluarannya kepada pelbagai bidang, dan tidak terhad kepada pengeluaran buku-buku sekolah sahaja.

3.2 Struktur Organisasi Syarikat

Mengikut Coser, Kadushin dan Powell (1982), sebuah penerbit yang standard harus mempunyai sekurang-kurangnya tiga bahagian, iaitu bahagian perundangan, bahagian pentadbiran, dan bahagian penerbitan khas. Bahagian perundangan akan menguruskan soal hak cipta, perjanjian, bayaran royalti dan pembelian atau penjualan hak penerbitan. Bahagian pentadbiran pula termasuklah kakitangan yang menguruskan hal-hal belanjawan, perancangan, dan kewangan. Sementara itu, bahagian penerbitan khas pula dapat dipecahkan kepada penerbitan buku teks, penerbitan ilmiah, kanak-kanak, remaja, dan dewasa.

Cerdik Publications Sdn. Bhd. pula dibentuk oleh tujuh buah jabatan, iaitu Jabatan Penerbitan, Jabatan Reka Bentuk, Jabatan Pengeluaran, Jabatan Pemasaran, Jabatan Akaun, Jabatan Khidmat Pelanggan, dan Jabatan Pentadbiran dan Perjawatan. Kesemua jabatan ini diketuai oleh seorang pengurus yang melapor diri kepada Pengurus Besar.

3.2.1 Jabatan Penerbitan

Jabatan ini merupakan nadi sesebuah syarikat penerbitan. Jabatan ini mempunyai 9 orang editor pelbagai bidang, seorang setiausaha merangkap Penyelaras Pra-cetak, dua orang Editor Pengurusan dan diketuai oleh seorang Pengurus Penerbitan.

Jabatan ini dibahagikan kepada tiga unit utama, iaitu Unit Sains Sosial yang diselenggarakan oleh Pengurus Penerbitan sendiri, Unit Sains dan Matematik yang diuruskan oleh Editor Pengurusan Sains dan Matematik, serta Unit Bahasa dan Sastera yang diuruskan oleh Editor Pengurusan Bahasa dan Sastera. Di bawah Unit Sains Sosial, terdapat Editor Bahasa Inggeris, Editor

Bahasa Cina, Editor Agama dan Bahasa Arab serta Editor Umum. Oleh sebab Cerdik Publications Sdn. Bhd. banyak menerbitkan buku-buku pelajaran, maka editor juga dibahagikan mengikut bidang pengkhususan mata pelajaran masing-masing.

Tidak seperti yang disarankan oleh Coser, Kadushin dan Powell, jabatan ini menguruskan soal perundangan berkaitan dengan penerbitan buku, menyediakan memorandum perjanjian untuk pengarang (baik dari segi pembayaran *lump sum* mahupun royalti), dan juga pembelian atau penjualan hak cipta. Dalam erti kata yang lainnya, Jabatan Penerbitan bertanggungjawab untuk penerbitan dan juga soal perundangan.

Carta organisasi jabatan ini adalah seperti dalam Lampiran 2. Antara tugas yang dijalankan oleh setiap individu dalam Jabatan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengurus Penerbitan
 - (i) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan Jabatan Penerbitan,
 - (ii) Melapor diri kepada Pengurus Besar,
 - (iii) Bertanggungjawab merangka Program Penerbitan tahunan dan merangka format dan spesifikasi penerbitan bersama-sama dengan Jawatankuasa Penerbitan lain, yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Jualan, Pengurus Reka Bentuk, dan Pengurus Pengeluaran.
 - (iv) Memastikan pelantikan pengarang bagi semua judul yang telah dirancang,
 - (v) Melihat dan memaklumkan Jawatankuasa Penerbitan tentang perubahan dalam sistem pendidikan atau perubahan format peperiksaan,
 - (vi) Bertanggungjawab memantau perkembangan judul yang dirancang.

- (vii) Mempengerusikan mesyuarat mingguan Jabatan Penerbitan,
- (viii) Memaklumkan Jawatankuasa Penerbitan tentang progres judul dan masalah yang dihadapi, serta langkah penyelesaian yang dicadangkan,
- (ix) Menyediakan laporan bulanan jabatan dan menghadiri mesyuarat peringkat pengurusan setiap bulan bagi memaklumkan perkembangan jabatan,
- (x) Memantau kerja-kerja Editor Pengurusan, Editor lain, serta Penyelaras Pra-cetak,
- (xi) Mengumpul dokumen pembayaran dan mengesahkan dokumen pembayaran untuk dimajukan kepada Pengurus Besar.

(b) Editor Pengurusan

- (i) Membantu Pengurus Penerbitan merancang Program Penerbitan mengikut bidang masing-masing,
- (ii) Menentukan format dan spesifikasi judul yang hendak diterbitkan oleh unit masing-masing,
- (iii) Melantik penulis,
- (iv) Memastikan manuskrip masuk mengikut spesifikasi dan mengikut jadual yang ditetapkan,
- (v) Memastikan kelancaran penerbitan unit masing-masing,
- (vi) Menasihati editor dalam tugas seharian.
- (vii) Melaporkan perkembangan unit kepada Pengurus Penerbitan,
- (viii) Menyediakan dokumen pembayaran untuk penulis,
- (ix) Mengambil tindakan susulan terhadap masalah yang timbul dalam proses penerbitan.

(c) Editor

- (i) Menerima dan memeriksa manuskrip yang diterima,
- (ii) Membuat penyuntingan dan membaca prof,
- (iii) Menyediakan spesifikasi kulit buku dan blurb,

- (iv) Menyemak filem,
 - (v) Menyediakan naskhah bertanda bagi buku yang telah dicetak,
 - (vi) Menyediakan dokumen pembayaran untuk penulis,
 - (vii) Menyediakan 'New Book Announcement' dan 'Unique Selling Point',
 - (viii) Menyediakan Memorandum Perjanjian untuk pengarang.
- (d) Setiausaha merangkap Penyelaras Pra-Cetak
- (i) Menaip surat, manuskrip, laporan dan tugas yang diberikan oleh Pengurus Penerbitan, Editor Pengurusan dan Editor,
 - (ii) Memfailkan surat-surat Jabatan Penerbitan,
 - (iii) Mengambil dan menyediakan minit mesyuarat Jabatan Penerbitan dan Mesyuarat Program Penerbitan,
 - (iv) Membantu Pengurus Penerbitan mencari dan mendapatkan maklumat tentang perkembangan pendidikan,
 - (v) Menyediakan Arahan Belian (*Purchase Order*) untuk Naskhah Sedia Kamera buku dan kulit buku untuk difilemkan,
 - (vi) Menyemak dan memeriksa filem yang diterima daripada pembekal,
 - (vii) Memeriksa pruf berwarna kulit buku dan mengedarkannya kepada Jawatankuasa Penerbitan.

3.2.2 Jabatan Pemasaran

Jabatan Pemasaran diketuai oleh seorang Pengurus Jualan. Beliau dibantu oleh seorang Penyelaras Jualan dan 11 orang Eksekutif Jualan yang ditempatkan mengikut kawasan di Malaysia. Antara tugas Eksekutif Jualan ialah memastikan buku sampai ke kedai buku dan mengutip pembayaran daripada pekedai buku, membuat promosi prajualan, mengadakan lawatan ke sekolah, menguruskan stok buku ketika pameran buku diadakan serta mendapatkan maklum balas tentang pasaran. Kedai buku yang memasarkan buku-buku

terbitan Cerdik Publications Sdn. Bhd. mestilah membuka akaun dengan syarikat ini dengan memberi Jaminan Bank sebanyak RM5,000.00. Walau bagaimanapun Cerdik Publications Sdn. Bhd. tidak memberikan "return policy" terhadap buku-buku yang dihantar ke kedai buku.

3.2.3 Jabatan Akaun

Secara umumnya, Jabatan Akaun menguruskan kemasukan dan pengeluaran wang syarikat. Walaupun menurut Coser, Kadushin dan Powell (1982), pengurusan hal-hal belanjawan, perancangan dan kewangan diuruskan oleh Jabatan Pentadbiran, tetapi di Cerdik Publications Sdn. Bhd., Jabatan Akaun bertanggungjawab menguruskan hal tersebut. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pembantu Akaun dengan dibantu oleh tiga orang kakitangan, iaitu Eksekutif Akaun dan dua orang Pembantu Akaun. Antara tugas jabatan ini yang berkaitan dengan Jabatan Penerbitan ialah menguruskan pembayaran royalti kepada pengarang setiap tahun.

3.2.4 Jabatan Reka Bentuk

Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengurus Reka Bentuk. Di bawahnya terdapat dua orang Pembantu Reka Bentuk (*Assistant Designer*), seorang Artis Grafik, empat orang pelukis, seorang Penyelaras Operator DTP, dan empat orang Operator DTP. Jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat reka bentuk kulit buku dan reka letak buku.

3.2.5 Jabatan Pengeluaran

Jabatan Pengeluaran hanya mempunyai seorang kakitangan, iaitu Pengurus Pengeluaran. Antara tugas Jabatan ini ialah membuat penentuan anggaran kos pengeluaran sesebuah buku, menyemak filem yang diterima daripada Penyelaras Pra-Cetak, menghantar filem ke Kilang Pencetak dan

memastikan buku siap dicetak mengikut tarikh jangkaan stok, serta memeriksa mutu fizikal buku apabila siap dicetak.

3.2.6 Jabatan Khidmat Pelanggan

Jabatan ini menguruskan pembekalan buku ke kedai-kedai buku dan mengeluarkan invois pesanan. Selain itu pembelian terus oleh orang perseorangan dan juga melalui pos turut diuruskan oleh jabatan ini.

Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengurus Khidmat Pelanggan, dan dianggotai oleh seorang Eksekutif dan tiga orang Kerani. Pengurusan stor buku juga dilakukan oleh jabatan ini. Stor diketuai oleh seorang Penyelia yang menyelaras empat orang buruh am di bawahnya.

3.2.7 Jabatan Pentadbiran dan Perjawatan

Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengurus Pentadbiran dan Perjawatan. Di bawahnya terdapat seorang Eksekutif Pentadbiran, seorang Telefonis merangkap Kerani Am, seorang Budak Pejabat, serta Pengawal Keselamatan. Jabatan ini menyelaras pengambilan dan pemberhentian pekerja, memastikan kebajikan kakitangan, menguruskan pembayaran gaji dan elaun, serta mengawasi hal-hal pentadbiran syarikat.

3.3 Aktiviti Perniagaan Syarikat

Cerdik Publications Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat penerbitan buku-buku pendidikan dan juga buku-buku umum. Di samping itu juga syarikat ini juga sebagai penerbit buku teks sekolah yang kedua terbesar selepas Dewan Bahasa dan Pustaka (Lihat Lampiran 3 untuk senarai buku teks yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang bernaung di bawah Mahir Holdings). Sehingga kini, syarikat ini telah menerbitkan hampir 30 buah buku teks untuk kegunaan sekolah

rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Selain itu, syarikat ini juga diberi kepercayaan untuk menerbitkan kertas-kertas peperiksaan sebenar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penerbitan kertas-kertas soalan tahun-tahun lepas ini merupakan hak eksklusif bagi Cerdik Publications Sdn. Bhd. kerana penerbit ini merupakan satu-satunya penerbit yang memegang hak cipta tersebut (Lihat Lampiran 4).

Selain aktiviti di atas, Cerdik Publications Sdn. Bhd. juga bergiat aktif dalam mengeluarkan buku-buku rujukan dan ulang kaji sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan juga peringkat tertier. Di samping itu juga, syarikat ini turut mengeluarkan buku-buku umum (Lihat Jadual 3.1, Jadual 3.2 dan juga Lampiran 5).

Jadual 3.1 Penerbitan CPSB mengikut tahap (2000 – 2002)

Peringkat \ Tahun	2000 – 2001	2001 – 2002	2002 – 2003
	%	%	%
Prasekolah	3	2	9
Sekolah rendah	24	44	37
Sekolah menengah	67	43	43
Tertier	1	5	4
Umum	5	6	7
Jumlah	100	100	100

Jadual 3.2 Penerbitan CPSB mengikut kategori (2000 – 2002)

Kategori \ Tahun	2000 – 2001	2001 – 2002	2002 – 2003
	%	%	%
Diari	-	1	-
Buku kerja/buku aktiviti	16	24	16.5
Rujukan/panduan peperiksaan	46	19	24.5
Koleksi kertas peperiksaan	22	34	31
Umum	3	6	4.5
Bacaan	7	15	18
Novel	3	-	3
Buku amali	2	-	-
Kamus	0.5	0.5	0.5
Audio	0.5	-	1
Buku teks*	-	0.5	1
Jumlah	100	100	100

*berdasarkan tender

Daripada Jadual 3.1 dan 3.2, jelas menunjukkan bahawa Cerdik Publications Sdn. Bhd. merupakan penerbit yang memfokuskan penerbitan kepada buku-buku pendidikan (melebihi 90%) dan kebanyakannya terdiri daripada buku-buku kerja, buku rujukan, dan koleksi kertas peperiksaan (melebihi 70%).

Dengan disokong oleh sebelas orang editor, Cerdik Publications Sdn. Bhd. mampu mengeluarkan lebih kurang 200 judul setahun. Syarikat ini juga

turut bekerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA, untuk mengeluarkan buku teks bagi fakulti tersebut. Sehingga kini tiga buah buku teks Fakulti Kejuruteraan Awam telah dan akan diterbitkan. Di samping itu juga, Cerdik Publications Sdn. Bhd. juga giat mengusahakan penerbitan bahan-bahan terjemahan ke bahasa Melayu melalui pembelian hak cipta dengan penerbit luar negara.

Dari segi bahasa pengantar, Cerdik Publications Sdn. Bhd. telah menerbitkan buku-buku dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Selaras dengan perkembangan teknologi, Cerdik Publications Sdn. Bhd. juga membuka laman webnya sendiri. Selain memaparkan profail korporat syarikat, laman web ini turut mengadakan Kelab Buku Cerdik yang menganjurkan pelbagai aktiviti untuk faedah ahli-ahlinya. Di samping itu, individu yang melayari laman web ini boleh mendapatkan maklumat terkini tentang terbitan terbaru Cerdik Publications Sdn. Bhd..